

**IMPAK INOVASI DALAM PROGRAM  
HOMESTAY DI SEMENANJUNG MALAYSIA**

**SUHaida HERNI BINTI SUFFARRUDDIN**

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**2019**

**IMPAK INOVASI DALAM PROGRAM  
HOMESTAY DI SEMENANJUNG MALAYSIA**

**oleh**

**SUHaida HERNI BINTI SUFFARRUDDIN**

**Tesis yang diserahkan untuk  
memenuhi keperluan bagi  
Ijazah Doktor Falsafah**

**Ogos 2019**

## PENGHARGAAN

*Al-hamdu lillahi rabbil 'alamin* – Dipanjatkan syukur ke hadrat Illahi kerana dengan limpah kurnia dan IzinNya, diberikan saya keberkatan dan keupayaan sepanjang perjalanan menyiapkan pengajian ini. Setinggi-tinggi penghargaan terima kasih khususnya kepada penyelia utama saya, Profesor Sr. Dr. Mastura Jaafar atas tunjuk ajar, kesabaran dan sokongan yang tidak berkesudahan. Pengetahuan yang luas serta komen dan kritikan yang membina telah banyak membantu dalam perjalanan PhD saya sehingga terhasilnya disertasi penyelidikan ini. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada penyelia bersama iaitu Dr. Suraiyati Rahman, atas kepercayaan, nasihat dan bimbingan yang diberikan.

Penghargaan paling bermakna buat insan tersayang bergelar abah dan emak iaitu, Encik Suffaruddin Omar dan Puan Hamidah Osman atas pengorbanan, kasih sayang, dan iringan doa sepanjang pengajian saya. Tidak lupa buat adik beradik, Saiful Helmi, Nor Suhana, Ahmad Salihin dan Nur Syhadah yang amat memahami dan sentiasa memberi sokongan untuk memastikan impian saya tercapai. Saya juga bersyukur dikurniakan sahabat yang sentiasa di sisi ketika susah dan senang iaitu Nur Ammera dan rakan seperjuangan, Nor Syuhada yang tidak jemu memberi semangat untuk saya menghabiskan pengajian ini.

Penghargaan ini juga ditujukan kepada Kementerian Pengajian Tinggi selaku penaja pengajian di bawah skim MyPhd, Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan dan Perancangan (HBP) serta Institut Pengajian Siswazah (IPS). Saya juga amat terhutang budi dan berterima kasih atas kerjasama daripada pihak MOTAC dan Penyelaras Program Homestay yang telah berkongsi segala maklumat dan cadangan bermanfaat. Akhir sekali, terima kasih kepada kepada teman-teman di HBP dan STRC atas segala nasihat dan bantuan yang dihulurkan.

## ISI KANDUNGAN

<b>PENGHARGAAN .....</b>	<b>ii</b>
<b>ISI KANDUNGAN .....</b>	<b>iii</b>
<b>SENARAI JADUAL .....</b>	<b>vii</b>
<b>SENARAI RAJAH .....</b>	<b>ix</b>
<b>ABSTRAK.....</b>	<b>x</b>
<b>ABSTRACT .....</b>	<b>xi</b>
<b>BAB 1 – PENGENALAN .....</b>	<b>1</b>
1.1 Pengenalan .....	1
1.2 Latar Belakang Penyelidikan .....	1
1.3 Pernyataan Masalah .....	7
1.4 Objektif Kajian.....	11
1.5 Persoalan Kajian .....	11
1.6 Metodologi Kajian .....	11
1.7 Skop Penyelidikan .....	12
1.8 Kepentingan Kajian .....	13
1.9 Definisi Kata Kunci .....	14
1.10 Organisasi Tesis .....	15
1.11 Rumusan .....	16
<b>BAB 2 – PERKEMBANGAN PROGRAM HOMESTAY DI MALAYSIA .....</b>	<b>17</b>
2.1 Pengenalan .....	17
2.2 Industri Pelancongan di Malaysia .....	17
2.2.1 Pelancongan Budaya .....	21
2.2.2 Pelancongan Berasaskan Komuniti.....	22
2.3 Pembangunan Program Homestay di Malaysia .....	24
2.3.1 Definisi dan Konsep Program Homestay.....	24
2.3.2 Dasar dan Prosedur Penubuhan Program Homestay.....	28
2.3.3 Perkembangan Program Homestay di Semenanjung Malaysia .....	36
2.3.4 Impak melalui Pembangunan Program Homestay.....	45
2.4 Rumusan .....	48

<b>BAB 3 – SOROTAN KAJIAN .....</b>	<b>49</b>
3.1 Pengenalan .....	49
3.2 Konsep Inovasi.....	50
3.2.1 Definisi Inovasi .....	50
3.2.2 Keupayaan Inovasi .....	52
3.3 Jenis-Jenis Inovasi .....	53
3.3.1 Inovasi Produk dan Perkhidmatan .....	59
3.3.2 Inovasi Proses .....	62
3.3.3 Inovasi Pemasaran .....	64
3.3.4 Inovasi Pengurusan .....	67
3.4 Faktor Penentu Inovasi .....	70
3.4.1 Ciri-ciri Keusahawanan.....	73
3.4.2 Pengetahuan .....	74
3.4.3 Kepemimpinan Transformasional.....	76
3.4.4 Orientasi Pasaran .....	77
3.4.5 Sokongan Kerajaan .....	79
3.5 Prestasi Perniagaan .....	81
3.5.1 Konsep Prestasi .....	81
3.5.2 Penilaian Prestasi Perniagaan .....	82
3.6 Teori Pembentukan Kajian.....	85
3.6.1 <i>Resource-Based View (RBV)</i> .....	86
3.6.2 <i>Dynamic Capabilities View (DCV)</i> .....	88
3.7 Kerangka Konseptual .....	90
3.8 Rumusan .....	92
<b>BAB 4 – METODOLOGI KAJIAN .....</b>	<b>93</b>
4.1 Pengenalan .....	93
4.2 Falsafah Penyelidikan Interpretivisme .....	93
4.3 Reka bentuk Kajian.....	95
4.3.1 Kajian Kes.....	98
4.3.2 Pemilihan Sampel Kajian.....	101
4.3.3 Unit Analisis Kajian.....	104
4.4 Kaedah Pengumpulan Data.....	105
4.4.1 Reka Bentuk Soalan Temu Bual .....	107

4.4.2	Temu Bual Bersemuka.....	111
4.5	Analisis Data.....	112
4.5.1	<i>Content Analysis</i> .....	114
4.6	Kriteria Kepercayaan ( <i>Trustworthiness</i> ).....	115
4.7	Rumusan .....	118
 <b>BAB 5 – ANALISIS DATA.....</b>		<b>119</b>
5.1	Pengenalan .....	119
5.2	Latar Belakang Kajian Kes .....	119
5.2.1	Program Homestay Kampung Desa Keda (A).....	120
5.2.2	Program Homestay Relau (B).....	121
5.2.3	Program Homestay Kampung Endah (C) .....	122
5.2.4	Program Homestay Sungai Haji Dorani (D).....	123
5.2.5	Program Homestay Taman Sedia (E).....	124
5.2.6	Program Homestay Desa Murni (F).....	125
5.2.7	Program Homestay Kampung Parit Tengah (G).....	126
5.2.8	Program Homestay Kampung Morten (H).....	127
5.3	Jenis Inovasi Program Homestay .....	128
5.3.1	Inovasi Produk dan Perkhidmatan .....	129
5.3.2	Inovasi Proses .....	151
5.3.3	Inovasi Pemasaran .....	155
5.3.4	Inovasi Pengurusan .....	167
5.4	Faktor Penentu Inovasi dalam Program Homestay.....	177
5.4.1	Ciri-ciri Keusahawanan.....	179
5.4.2	Pengetahuan .....	186
5.4.3	Kepemimpinan Transformasional.....	190
5.4.4	Orientasi Pasaran .....	194
5.4.5	Sokongan Kerajaan .....	198
5.4.6	Sumber Persekitaran .....	204
5.5	Impak Inovasi terhadap Prestasi Kemajuan Program Homestay.....	210
5.5.1	Prestasi Kemajuan Program Homestay.....	211
5.5.2	Prestasi Kemajuan Desa.....	215
5.6	Rumusan .....	221

<b>BAB 6 – PERBINCANGAN PENEMUAN KAJIAN.....</b>	<b>222</b>
6.1 Pengenalan .....	222
6.2 Jenis Inovasi dalam Program Homestay .....	222
6.2.1 Inovasi Produk dan Perkhidmatan .....	223
6.2.2 Inovasi Proses .....	230
6.2.3 Inovasi Pemasaran .....	231
6.2.4 Inovasi Pengurusan .....	235
6.3 Faktor Penentu Inovasi dalam Program Homestay.....	237
6.4 Impak Inovasi terhadap Prestasi Kemajuan Program Homestay .....	243
6.5 Perubahan Model Impak Inovasi dalam Program Homestay .....	247
6.6 Rumusan .....	250
<b>BAB 7 – KESIMPULAN DAN CADANGAN.....</b>	<b>251</b>
7.1 Pengenalan .....	251
7.2 Pencapaian Objektif dan Penemuan Utama Kajian .....	251
7.2.1 Objektif 1: Untuk menerokai Jenis Inovasi yang dilaksanakan dalam Program Homestay.....	252
7.2.2 Objektif 2: Untuk mengenal pasti Faktor Penentu yang berupaya mempengaruhi pelaksanaan inovasi dalam Program Homestay .....	256
7.2.3 Objektif 3: Untuk menilai Impak Inovasi terhadap Prestasi Kemajuan Program Homestay.....	260
7.3 Sumbangan Kajian .....	261
7.3.1 Sumbangan secara Konseptual.....	262
7.3.2 Sumbangan secara Praktikal .....	263
7.3.3 Sumbangan Kaedah Kajian.....	264
7.4 Limitasi Kajian.....	265
7.5 Cadangan Kajian .....	266
7.6 Rumusan .....	266
<b>RUJUKAN.....</b>	<b>268</b>

## LAMPIRAN

## SENARAI JADUAL

### Halaman

Jadual 1.1	Pencapaian Program Homestay untuk tahun 2008 – 2017 .....	3
Jadual 2.1	Konsep Homestay mengikut Negara.....	25
Jadual 2.2	Aktiviti Lazim untuk Tetamu Program Homestay.....	27
Jadual 2.3	Dasar-dasar Kerajaan berkaitan Program Homestay .....	29
Jadual 2.4	Jumlah Program Homestay Berdaftar tahun 2011 – 2016.....	37
Jadual 2.5	Jumlah Pengusaha Berdaftar 2011 – 2016.....	37
Jadual 2.6	Senarai Program Homestay Berdaftar di Semenanjung Malaysia.....	38
Jadual 2.7	Bilangan Kedatangan Pelancong & Pendapatan Program Homestay .....	43
Jadual 3.1	Jenis Inovasi yang Digunakan dalam Kajian Terdahulu.....	56
Jadual 3.2	Kajian terhadap Faktor Penentu Inovasi dalam Pelancongan .....	71
Jadual 4.1	Senarai Program Homestay dan Jumlah Kedatangan Pelancong.....	103
Jadual 4.2	Senarai Program Homestay mewakili Setiap Zon .....	105
Jadual 4.3	Kajian Terdahulu berkaitan Inovasi dalam Industri Pelancongan ...	106
Jadual 4.4	Panduan Temu Bual .....	108
Jadual 4.5	Pemilihan Sub Tema dan Pengukuran Jenis Inovasi .....	109
Jadual 4.6	Pemilihan Sub Tema dan Pengukuran Faktor Penentu Inovasi .....	110
Jadual 4.7	Pemilihan Sub Tema Impak Inovasi .....	110
Jadual 5.1	Sub Tema, Tahap Inovasi, Peratusan dan Contoh Jawapan Responden.....	128
Jadual 5.2	Kategori, Tahap dan Bentuk Inovasi, dan Homestay Terlibat.....	129
Jadual 5.3	Tahap dan Bentuk Inovasi, dan Homestay Terlibat.....	152
Jadual 5.4	Teknik, Tahap dan Bentuk Inovasi, dan Homestay Terlibat.....	155
Jadual 5.5	Kategori, Tahap dan Bentuk Inovasi, dan Homestay Terlibat.....	168
Jadual 5.6	Sub Tema, Kategori, Peratusan dan Contoh Jawapan Responden...	178
Jadual 5.7	Faktor Penentu Inovasi, Kategori dan Jenis Inovasi terlibat.....	209
Jadual 5.8	Sub Tema, Kategori, Peratusan dan Contoh Jawapan Responden...	211
Jadual 5.9	Senarai Pencapaian Anugerah Program Homestay.....	212
Jadual 5.10	Senarai Pengiktirafan Desa .....	219



## SENARAI RAJAH

	<b>Halaman</b>
Rajah 2.1	Garis Panduan Pendaftaran Program Homestay ..... 32
Rajah 2.2	Syarat Penyertaan Program Homestay..... 34
Rajah 3.1	Kerangka Konseptual Impak Inovasi dalam Program Homestay ..... 91
Rajah 4.1	Carta Alir Proses Penyelidikan ..... 97
Rajah 4.2	Jenis Reka bentuk Kajian Kes..... 100
Rajah 5.1	Homestay Kampung Desa Keda ..... 120
Rajah 5.2	Homestay Relau ..... 121
Rajah 5.3	Homestay Kampung Endah ..... 122
Rajah 5.4	Homestay Sungai Haji Dorani ..... 123
Rajah 5.5	Homestay Taman Sedia ..... 124
Rajah 5.6	Homestay Desa Murni ..... 125
Rajah 5.7	Homestay Kampung Parit Tengah ..... 126
Rajah 5.8	Homestay Kampung Morten..... 127
Rajah 5.9	Penginapan konsep Kampungstay ..... 132
Rajah 5.10	Kaunter Pendaftaran..... 152
Rajah 5.11	Laman Web Homestay F ..... 167
Rajah 5.12	Pusat Operasi Homestay ..... 176
Rajah 5.13	Anugerah Homestay Inovatif..... 213
Rajah 6.1	Transformasi Produk dan Perkhidmatan melalui Inovasi..... 229
Rajah 6.2	Impak Inovasi terhadap Prestasi Kemajuan Program Homestay ..... 244
Rajah 6.3	Model Impak Inovasi dalam Program Homestay ..... 248

# **IMPAK INOVASI DALAM PROGRAM HOMESTAY DI SEMENANJUNG MALAYSIA**

## **ABSTRAK**

Inovasi merupakan satu inisiatif dalam memacu ke arah kejayaan bagi sebuah perniagaan. Namun, kurangnya kesedaran terhadap kepentingan pelaksanaan inovasi telah membawa kepada kegagalan sebilangan program homestay untuk terus berdaya maju. Tambahan pula, persekitaran yang semakin mencabar memaksa perniagaan untuk berinovasi supaya terus berdaya saing seiring dengan kemajuan pembangunan pelancongan di seluruh dunia. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk (1) menerokai jenis inovasi yang dilaksanakan, (2) mengenal pasti faktor penentu inovasi, dan (3) menilai impak inovasi terhadap kemajuan program homestay. Lapan program homestay berdaftar di Semenanjung Malaysia telah dipilih berdasarkan kepada beberapa kriteria yang ditetapkan. Temu bual secara mendalam bersama-sama penyelaras homestay telah dijalankan dengan memberikan penekanan kepada impak pelaksanaan inovasi, dan hasil temu bual dianalisis menggunakan teknik “*Content Analysis*”. Inovasi yang dilaksanakan meliputi inovasi produk dan perkhidmatan, proses, pemasaran dan pengurusan, adalah dipengaruhi oleh enam faktor penentu iaitu ciri-ciri keusahawanan, pengetahuan, kepemimpinan transformasional, orientasi pasaran, sokongan kerajaan dan sumber persekitaran. Inovasi juga telah memberi impak positif kepada prestasi kemajuan program homestay dan desa. Kajian ini turut menyumbang kepada pengembangan ilmu pengetahuan homestay melalui pembangunan Model Impak Inovasi dalam Program Homestay. Penemuan ini juga boleh dimanfaatkan oleh pemain industri sebagai penanda aras kepada pemegang taruh dalam merancang strategi pembangunan program homestay.

# **THE IMPACT OF INNOVATION ON HOMESTAY PROGRAM AT PENINSULAR MALAYSIA**

## **ABSTRACT**

Innovation is an initiative in driving towards the success of a business. However, lack of awareness on the importance of innovation implementation has led to the failure of homestay programs to remain viable. In addition, the challenging environment has forced business to innovate in order to continuously competitive in line with development of homestay program worldwide. Thus, this study intends to (1) explore the types of innovation implementation, (2) identify the determinant factors of innovation, and (3) evaluate the impacts of innovation to homestay program development. Eight homestay programs registered in Peninsular Malaysia were selected based on several criteria. In-depth interviews were conducted with the homestays' coordinators had focused on the impact of innovation implementation, and the collected data were analysed using content analysis technique. Innovations implemented including product-service, process, marketing, and management were found to be influenced by six determinant factors including characteristics of entrepreneurship, knowledge, transformational leadership, market orientation, government supports and environmental resources. Innovations are positively affecting the performance of Homestay Program and villages. This research contributes to the body of knowledge through the Model of Innovation Impact on Homestay Program. These finding is beneficial to the industry players as a benchmark for stakeholders in planning the strategies of homestay program development.

# **BAB 1**

## **PENGENALAN**

### **1.1 Pengenalan**

Bab ini memberi gambaran secara umum berkaitan penyelidikan yang dijalankan. Bahagian pertama bab ini menghuraikan latar belakang kajian yang merangkumi industri pelancongan di Malaysia, penyertaan program homestay dan konsep inovasi. Penerangan berikutnya melibatkan pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian dan metodologi kajian. Di samping itu, bab ini juga menggariskan skop penyelidikan, kepentingan kajian, definisi kata kunci dan organisasi tesis secara ringkas.

### **1.2 Latar Belakang Penyelidikan**

Di Malaysia, industri pelancongan telah dikenal pasti sebagai penyumbang utama dalam sektor perkhidmatan dan berperanan merangsang ekonomi negara (Unit Perancang Ekonomi, EPU, 2017). Pada tahun 2017, industri ini telah menjadi industri ketiga terbesar yang menyumbang kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNDK) dengan kadar 14.8 peratus bersamaan RM182.4 bilion (EPU, 2018). Pencapaian ini ekoran daripada peningkatan kedatangan pelancong sebanyak 11.75 peratus iaitu seramai 29.95 juta berbanding tahun sebelumnya (MOTAC, 2018). Di samping itu, kerajaan juga telah menetapkan sasaran 30 juta pelancong menjelang tahun 2020 dengan pendapatan sebanyak RM100 bilion sempena Tahun Melawat Melawat Malaysia (TMM 2020).

Perkembangan dalam industri pelancongan juga telah mula diberi perhatian dalam salah satu agenda Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) di mana kerajaan telah memperuntukkan sejumlah bajet untuk membangunkan industri ini di samping meningkatkan tahap pendapatan dan mengurangkan kadar kemiskinan. Lantaran itu, agenda ini berupaya dicapai melalui pembangunan program homestay (EPU, 2017) yang dilihat berpotensi untuk memajukan pelancongan luar bandar (Kasim, Kayat & Ramli, 2016). Kesenambungan daripada itu, pembangunan program homestay juga selari dengan Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11) yang turut memfokuskan kepada usaha mentransformasi luar bandar untuk meningkatkan kesejahteraan masyarakat melalui strategi menambah baik rangkaian hubungan luar bandar.

Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan (1992 hingga 2004) yang kini dikenali sebagai Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan (MOTAC) telah memperkenalkan program homestay secara rasminya pada tahun 1995 menerusi Pelancaran Program Homestay Kampung Desa Murni di Negeri Pahang (Bhuiyan, Siwar, Ismail & Islam, 2012). Program ini berbeza dengan konsep penginapan sederhana lain kerana ianya tidak hanya menyediakan kemudahan penginapan sahaja, malah turut memfokuskan kepada pengalaman pelancong untuk tinggal bersama keluarga tuan rumah, berinteraksi dan mempelajari gaya hidup dan budaya masyarakat setempat (MOTAC, 2017). Selain itu, program homestay juga merupakan inisiatif di bawah Pelan Induk Pelancongan Luar Bandar yang bertujuan untuk meningkatkan penyertaan masyarakat desa dalam industri pelancongan.

Sebagai salah satu produk pelancongan di Malaysia, program homestay telah berupaya membuktikan perkembangannya melalui penambahan penyertaan komuniti yang

terlibat. Berdasarkan Jadual 1.1, menunjukkan pencapaian terkini program homestay iaitu selama 10 tahun bermula tahun 2008 hingga 2017.

Jadual 1.1: Pencapaian Program Homestay untuk tahun 2008 – 2017

	2008	2009	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016	2017
Bilangan Homestay	146	140	139	150	159	166	172	181	193	206
Bilangan Pengusaha	3,034	3,264	3,005	3,211	3,424	3,431	3,519	3,653	3,800	3,994
Pelancong Domestik ('000)	68.4	130.0	147.3	195.3	259.4	288.1	296.4	319.4	353.3	321.1
Pelancong Antrabangsa ('000)	23.1	31.5	49.1	59.7	65.8	62.8	71.0	71.8	57.2	61.8
Jumlah Pelancong ('000)	91.5	161.6	196.4	255.0	325.2	350.9	367.4	391.2	410.5	382.9
Jumlah Pendapatan (RM juta)	6.4	10.9	12.4	15.7	18.5	21.6	23.2	28.4	27.7	30.1

*Sumber: MOTAC (2018)*

Jadual di atas menunjukkan pada tahun 2008, sebanyak 146 homestay dan 3,034 pengusaha telah berdaftar dalam program homestay. Bilangan ini meningkat dengan kadar berterusan sepanjang 10 tahun berikutnya menjadi 206 homestay melibatkan 3,994 pengusaha pada tahun 2017. Pertambahan ini selari dengan peningkatan kedatangan pelancong yang menyertai program homestay dan jumlah pendapatan yang diterima. Dalam tempoh tersebut, bilangan pelancong daripada dalam dan luar negara telah meningkat sebanyak 318.4% iaitu daripada 91,533 pelancong (2008) kepada 382,961 pelancong (2017). Begitu juga dengan jumlah pendapatan yang turut meningkat sebanyak 370.3% iaitu berjumlah RM30.1 juta pada tahun 2017 berbanding 6.4 juta pada tahun 2008.

Secara umumnya, pembangunan program homestay bukan hanya dapat dilihat melalui pencapaiannya sahaja, malah turut memberi impak kepada perkembangan sosioekonomi komuniti dan kawasan setempat (Ahmad, Ibrahim & Zakaria, 2011; Ibrahim & Ahmad, 2009; Salleh, Hanim, Othman, Nordin, Idris, Hajar & Shukor, 2014). Antaranya adalah daripada segi penjanaaan pendapatan, penyediaan peluang pekerjaan, mampu melahirkan ramai usahawan desa, kesepakatan masyarakat setempat, peningkatan infrastruktur dan keindahan persekitaran. Oleh itu, bagi menggalakkan lagi perkembangan program homestay, aspek inovasi dilihat berupaya untuk memastikan sesebuah perniagaan boleh bertahan dalam pasaran (Sundbo, Orfila-Sintes & Sørensen, 2007).

Inovasi merupakan salah satu inisiatif yang memberi input penting kepada kejayaan sesebuah organisasi melalui komitmen dan galakan penghasilan idea baharu di samping memupuk individu yang berinovatif (Baregheh, Rowley, Sambrook & Davies, 2012). Dalam konteks kajian ini, inovasi mengguna pakai definasi yang diterima pakai oleh Hjalager (2010), Martínez-Román, Tamayo, Gamero & Romero (2015), OECD (2005) dan Schumpeter (1934) iaitu melibatkan pelaksanaan idea baharu melalui pembaharuan dan penambahbaikan produk sedia ada untuk meningkatkan kualiti produk, mengaplikasikan kaedah baharu, pemasaran dan pengurusan organisasi baharu. Inovasi juga bertindak sebagai pembuka ruang kepada peluang perniagaan baharu dalam aktiviti perdagangan (Hjalager, 1994; Peter & Pikkemaat & Peters, 2006; Schumpeter, 1934). Ini merupakan satu orientasi strategik dalam menyelesaikan masalah ke arah mencapai kelebihan untuk berdaya bersaing (Drucker, 1985; Kuratko & Hodgetts, 2004).

Menurut Schumpeter (1934), inovasi memfokuskan kepada produk baharu, kaedah baharu dalam pengeluaran, sumber pemasaran baharu dan cara baharu menguruskan organisasi. Begitu juga Organisation for Economic Co-operation and Development, OECD (2005) yang telah mengklasifikasikan kepada empat jenis inovasi iaitu inovasi produk, proses, pemasaran dan organisasi. Jenis inovasi ini telah diaplikasi secara meluas dalam pelbagai industri seperti pembuatan, automotif, dan pelancongan (Atalay, Anafarta & Sarvan, 2013; Boachie-Mensah & Aquah, 2015; Gunday, Ulusoy, Kilic & Alpkan, 2011; Hassan, Shaukat, Nawaz & Naz, 2013; Kafetzopoulos & Psomas, 2015; Nicolau & Santa Maria, 2013; Nieves, Quintana & Osorio, 2014; Ronningen, 2010).

Pelaksanaan inovasi ini dikatakan telah dipengaruhi oleh beberapa faktor penentu yang juga dikenali sebagai penggerak yang memacu inovasi (Hjalager, 2010). Menurut Hjalager (2010), inovasi yang berlaku dalam sesebuah perniagaan pastinya didorong oleh pelbagai aspek dan ianya juga bergantung kepada sumber dan keupayaan yang dimiliki (Atoche, 2007). Begitu juga dalam industri pelancongan, di mana kajian terdahulu membuktikan bahawa pelaksanaan inovasi adalah didorong oleh beberapa faktor penentu yang berbeza seperti ciri-ciri keusahawanan, pengetahuan, kepemimpinan transformasional, orientasi pasaran dan sokongan kerajaan (Hjalager, 2010; Martínez-Román et al., 2015; Mei, Arcodia & Ruhanen, 2011; Nieves et al., 2014; Raffai, 2013; Ronningen, 2010; Sakdiyakorn & Sivarak, 2016).

Selain itu, pelaksanaan inovasi juga dilihat sebagai usaha dalam melakukan kelainan agar dapat memberi impak yang positif kepada prestasi perniagaan (Barkham, 1994).



Begitu juga dalam program homestay di mana beberapa kajian yang telah melihat impak inovasi ke atas program homestay contohnya Keling dan Entebang (2017) dan Hashim, Jamalludin, Nor, Nazrin, Merican dan Ahmad, (2015). Berdasarkan kajian Keling dan Entebang (2015; 2017) di Sarawak, didapati bahawa inovasi produk dengan mempelbagaikan aktiviti gaya hidup dan budaya; inovasi peserta melalui penglibatan komuniti secara lebih proaktif dan kreatif; dan inovasi penyelaras dalam meningkatkan pemantauan dan menyasarkan pasaran, mampu meningkatkan pendapatan usahawan homestay. Kajian Hashim et al. (2015) pula mendapati inovasi telah memberikan impak positif bukan sahaja kepada usahawan terlibat malah kepada pelancong melalui kepelbagaian keunikan yang ditawarkan.

Dalam mengenal pasti jenis inovasi, faktor penentu dan impak inovasi, teori yang digunakan dalam kajian ini adalah *Resource-Based View (RBV)* (Barney, 1991; Penrose, 1959) dan *Dinamic Capabilities View (DCV)* (Eisenhardt & Martin, 2000; Teece, Pisano & Shuen, 1997). Teori ini membincangkan tentang pendekatan menggunakan pengaruh sumber dan keupayaan perniagaan dalam melaksanakan inovasi. Sarjana terdahulu juga sering menggunakan teori ini dalam kajian berkaitan inovasi dan prestasi (Al-Ansari et al., 2013; Boachie-Mensah & Acquah, 2015; Camisón & Monfort-Mir, 2012; Camisón & Villar-López, 2014; Martínez-Román et al., 2015; Nieves et al., 2014; Rosli & Sidek, 2013;).

Perbincangan seterusnya adalah berkaitan pernyataan masalah yang ditemui secara praktikal dan teoritikal sehingga membawa kepada pembetulan objektif dan persoalan kajian.

### **1.3 Pernyataan Masalah**

Program homestay merupakan inisiatif kerajaan dalam usaha untuk membangun dan memperkasakan perkembangan pelancongan luar bandar (Mapjabil & Ismail, 2012). Walaupun statistik pencapaian program homestay telah menunjukkan prestasi yang positif, namun terdapat sebilangan program homestay yang mengalami kegagalan iaitu tidak mampu bertahan atau tiada peningkatan prestasi. Berdasarkan kepada statistik daripada MOTAC (2017), terdapat hampir 36 peratus (70 buah program homestay) mengalami kemerosotan kedatangan pelancong sepanjang tempoh lima tahun terkini iaitu daripada tahun 2011 hingga 2016. Kemerosotan ini telah menyebabkan hampir sepuluh buah program homestay sama ada menarik diri atau digugurkan pendaftaran perniagaan oleh pihak MOTAC. Hal ini turut dibuktikan oleh Kasim et al. (2016) yang mendapati bahawa kedatangan pelancong yang semakin berkurangan telah menjejaskan pendapatan pengusaha homestay sehingga tidak mampu lagi bertahan dalam perniagaan ini.

Secara umumnya, pencapaian prestasi bagi sesebuah perniagaan adalah amat berkait rapat dengan inovasi yang dilakukan. Ini dibuktikan dalam kajian terdahulu yang mendapati bahawa wujudnya hubungan yang begitu signifikan antara inovasi dan prestasi perniagaan (Atalay et al., 2013; Boachie-Mensah & Aquah, 2015; Gunday et al., 2011; Hassan et al., 2013; Kafetzopoulos & Psomas, 2015). Walau bagaimanapun, penyelidikan inovasi dalam industri pelancongan masih kurang diberi tumpuan dan amat terhad (Aldebert, Dang & Longhi, 2011; Alsos, Carter & Ljunggren, 2014; Hjalager, 2010; Martínez-Román et al., 2015; Nagy, 2012; Sakdiyakorn & Sivarak, 2016). Ini kerana kebanyakan kajian inovasi lebih memfokuskan kepada sektor pembuatan (Al-Ansari, Pervan & Xu, 2013; Baregheh et al., 2012; Boachie-Mensah

& Acquah, 2015; Camisón & Monfort-Mir, 2012; Hjalager, 2010; Kafetzopoulos & Psomas, 2015; Rosli & Sidek, 2013; Solvoll, Alsos & Bulanova, 2015). Permasalahan ini telah membawa kepada kekurangan bahan rujukan yang memfokuskan kepada aspek inovasi dalam industri pelancongan (Hjalager, 2010; Pikkemaat & Peters, 2006) termasuklah tiada model berkaitannya dibangunkan (Martínez-Román et al., 2015). Oleh itu, bagi merungkai permasalahan tersebut, kajian ini adalah bertujuan untuk menerokai impak inovasi dalam program homestay yang berdaya maju dengan menggariskan tiga isu utama.

Isu pertama kajian ini adalah berkaitan jenis inovasi yang telah dilaksanakan. Dalam industri pelancongan, terdapat empat jenis inovasi yang sering ditemui iaitu produk, proses, pemasaran dan pengurusan (Nicolau & Santa Maria, 2013; Nieves et al., 2014; Ronningen, 2010; Sakdiyakorn & Sivarak, 2016). Namun, terdapat beberapa program homestay yang tidak melaksanakan inovasi tersebut sehingga menjejaskan minat pelancong dan gagal memberi kepuasan kepada mereka. Hussin dan Kunjuraman (2014) mendapati ada sebilangan program homestay yang tidak melakukan penambahbaikan terhadap kualiti produk dan perkhidmatan yang ditawarkan. Ini termasuklah kegagalan meningkatkan kemudahan asas (Adrianna, Cindy & Nor'ain, 2007) serta penyediaan bekalan elektrik dan air yang bersih (Kunjuraman, Hussin & Yasir, 2015). Selain itu, terdapat juga program homestay yang kurang menjalankan aktiviti pemasaran (Hussin, 2008) dan menghadapi masalah dalam menguruskan pembangunan infrastruktur yang baik untuk kegunaan pelancong (Kunjuraman et al., 2015).

Bagi menangani masalah ini, pendedahan terhadap jenis inovasi perlu diberi perhatian agar pembangunan program homestay dapat dilaksanakan. Walau bagaimanapun, kajian jenis inovasi dalam program homestay begitu terhad dan tidak melihat kepada semua jenis inovasi sebagaimana yang diperkenalkan oleh Scumpeter (1934). Sebagai contoh, kajian Keling dan Entebang (2017) hanya menggunakan inovasi produk sahaja sebagai pengukuran dan digabungkan dengan inovasi lain iaitu inovasi penyelaras dan inovasi peserta. Begitu juga dengan kajian Hashim et al. (2015) yang hanya membincangkan kepentingan inovasi secara umum tanpa memfokuskan kepada jenis inovasi yang terlibat. Oleh itu, kajian ini penting untuk menerokai jenis inovasi yang telah dilaksanakan dalam program homestay berdaya maju.

Selain itu, kemerosotan yang dihadapi oleh sebilangan program homestay adalah berpunca daripada beberapa faktor. Menurut Hussin (2008), Kunjuraman et al. (2015) dan Kayat dan Nor (2006), program homestay yang gagal melakukan pembaharuan dan penambahbaikan adalah disebabkan oleh komuniti yang kurang pengalaman, tiada kemahiran dan pengetahuan, tidak begitu aktif dan tidak mempunyai inovasi untuk mengembangkan perniagaan mereka (Hussin, 2008; Kunjuraman et al., 2015; Kayat & Nor, 2006). Tambahan lagi, ada juga yang menghadapi kesukaran untuk mendapatkan sumber kewangan (Kunjuraman et al., 2015; Hussin, 2008) dan mempunyai masalah kepimpinan (Nor & Kayat, 2010). Walau bagaimanapun, keadaan ini pastinya berbeza dengan program homestay berdaya maju di mana terdapat pelbagai faktor yang telah mendorong mereka untuk melakukan inovasi. Tambahan lagi, terdapat kajian dalam industri pelancongan yang menemui beberapa faktor penentu inovasi seperti ciri-ciri keusahawanan, pengetahuan, kepemimpinan transformasional, orientasi pasaran dan sokongan kerajaan (Hjalager, 2010; Nieves et

al., 2014; Martínez-Román et al., 2015; Mei et al., 2011; Raffai, 2013; Ronningen, 2010; Sakdiyakorn & Sivarak, 2016). Oleh itu, memandangkan tiada kajian seumpamanya ditemui dalam program homestay, maka isu kedua yang perlu diterokai adalah dengan mengenal pasti faktor penentu yang berupaya mempengaruhi pelaksanaan inovasi.

Seterusnya adalah isu berkaitan impak inovasi terhadap prestasi kemajuan program homestay. Menurut Forsman dan Temel (2011) dan Madrid-Guijarro, Garcia-Perez-de-Lema dan Van Auken (2013) aspek inovasi dalam industri pelancongan merupakan salah satu usaha untuk meningkatkan prestasi perniagaan. Namun, kajian sebegini kurang diberi tumpuan dan amat terhad terutamanya bagi perniagaan bersaiz kecil dan sederhana (Boachie-Mensah & Acquah, 2015; Forsman & Temel, 2011; Hassan et al., 2013; Kafetzopoulos & Psomas, 2015). Ini kerana sarjana terdahulu lebih memfokuskan kepada impak inovasi terhadap firma berskala besar dan telah mempunyai pasaran yang maju (Bhuiyan, Siwar & Ismail, 2013; Boachie-Mensah & Acquah, 2015). Sementara itu, kajian prestasi dalam program homestay pula agak terhad dan lebih tertumpu kepada kesan penglibatan komuniti (Hussin & Kunjuraman, 2014; Ismail, Hanafiah, Aminuddin & Mustafa, 2016; Mapjabil, Ismail, Ab Rahman, Masron, Ismail & Zainol, 2017; Pusiran & Xiao, 2013) dan usahawan (Keling Entabang, 2017). Oleh itu, jurang ini memerlukan kajian yang lebih mendalam bagi menilai impak inovasi terhadap prestasi kemajuan program homestay.

#### **1.4 Objektif Kajian**

Matlamat kajian ini adalah memfokuskan kepada penerokaan terhadap impak inovasi dalam kemajuan program homestay yang meliputi tiga objektif utama iaitu:

- i) Untuk menerokai jenis inovasi yang dilaksanakan dalam program homestay di Semenanjung Malaysia.
- ii) Untuk mengenal pasti faktor penentu yang berupaya mempengaruhi pelaksanaan inovasi dalam program homestay di Semenanjung Malaysia.
- iii) Untuk menilai impak inovasi terhadap prestasi kemajuan program homestay di Semenanjung Malaysia.

#### **1.5 Persoalan Kajian**

Secara khususnya, kajian ini bertujuan untuk menjawab persoalan berikut:

- i) Apakah jenis inovasi yang dilaksanakan dalam program homestay di Semenanjung Malaysia?
- ii) Bagaimanakah faktor penentu berupaya mempengaruhi pelaksanaan inovasi dalam program homestay di Semenanjung Malaysia?
- iii) Sejauh manakah inovasi memberi impak kepada prestasi kemajuan program homestay di Semenanjung Malaysia?

#### **1.6 Metodologi Kajian**

Kajian ini memfokuskan kepada inovasi dan impaknya kepada program homestay di Semenanjung Malaysia. Bagi mencapai objektif kajian ini, kaedah kualitatif telah digunakan untuk mendapatkan maklumat secara terperinci dan mendalam. Kaedah temu bual semi struktur secara bersemuka telah dilakukan dengan penyelarasan program

homestay yang dipilih. Pemilihan sampel kajian adalah berdasarkan kepada kriteria yang ditetapkan dan dipilih mengikut empat zon di Semenanjung Malaysia yang diwakili oleh dua buah program homestay bagi setiap zon.

Pengumpulan data telah dijalankan selama dua bulan di mana setiap sesi temu bual mengambil masa selama 150 hingga 240 minit termasuk pemerhatian sepanjang lawatan. Kemudian, data tersebut dianalisa menggunakan *content analysis*, seterusnya pembangunan tema dilakukan bagi mengenal pasti kategori secara lebih mendalam dan spesifik. Maklumat lanjut berkaitan kaedah penyelidikan dan analisis data dibincangkan secara terperinci dalam Bab 4 dan Bab 5.

### **1.7 Skop Penyelidikan**

Penyelidikan ini memfokuskan penerokaan terhadap impak inovasi dalam program homestay. Kajian kes adalah tertumpu kepada program homestay di Semenanjung Malaysia, yang berdaftar dengan MOTAC dan telah menunjukkan pencapaian kedatangan pelancong yang tinggi. Kajian ini telah menerokai empat jenis inovasi yang telah dilaksanakan oleh program homestay tersebut meliputi inovasi produk dan perkhidmatan, proses, pemasaran dan pengurusan. Inovasi yang dilakukan adalah berdasarkan kepada dua tahap iaitu pembaharuan dan penambahbaikan.

Sementara itu, beberapa faktor penentu yang berupaya mempengaruhi pelaksanaan inovasi tersebut juga telah dikenal pasti iaitu ciri-ciri keusahawanan, pengetahuan, kepemimpinan transformasional, orientasi pasaran, sokongan kerajaan dan sumber persekitaran. Seterusnya, bagi membuktikan keberkesanan inovasi, kajian ini telah

menilai impak yang diterima dengan melihat kepada prestasi kemajuan program homestay itu sendiri dan desa.

## **1.8 Kepentingan Kajian**

Sejajar dengan perkembangan program homestay yang semakin meningkat, kepentingan dalam memenuhi kehendak dan kepuasan pelancong amat dititik beratkan. Ini selari dengan strategi dan perancangan untuk mentransformasikan program homestay di Malaysia sebagai produk pelancongan yang mampu memberi pengalaman berbeza dan unik kepada pelancong. Bagi merealisasikan matlamat ini, program homestay berperanan dalam memastikan pembaharuan dan penambahbaikan dapat dilaksanakan secara berterusan.

Kajian ini memberi pendedahan yang spesifik berkaitan impak di sebalik pelaksanaan inovasi dalam program homestay yang dipilih. Setiap program homestay mempunyai jenis dan faktor penentu inovasi yang tersendiri mengikut lokasi yang berbeza. Hasil kajian ini penting kepada program homestay yang lain sebagai usaha untuk meningkatkan kualiti dan prestasi perniagaan mereka. Selain itu, kajian ini juga memberi gambaran yang jelas berkaitan impak inovasi terhadap prestasi kemajuan program homestay. Kemajuan yang ditemui adalah meliputi aspek perkembangan ekonomi dan sosial komuniti serta kawasan kampung yang terlibat sama ada di peringkat homestay mahupun desa. Penemuan ini penting sebagai usaha untuk menggalakkan komuniti agar bertindak lebih proaktif dan berdaya maju.

Di samping itu, kajian ini juga bertujuan untuk melengkapkan jurang kajian yang ditemui. Berdasarkan kajian terdahulu, didapati bahawa penyelidikan berkaitan jenis



dan faktor penentu inovasi dalam industri pelancongan amnya dan program homestay khususnya amat berkurangan. Begitu juga dengan pendedahan tentang impak inovasi terhadap prestasi kemajuan program homestay yang agak terhad dan cetek. Kajian inovasi yang ditemui lebih memfokuskan kepada sektor pembuatan dan perniagaan berskala besar. Oleh itu, kajian ini amat penting dalam memberi sumbangan ilmu melalui pembangunan model impak pelaksanaan inovasi dalam program homestay yang memfokuskan kepada aspek keusahawanan. Model ini juga akan menghasilkan dimensi inovasi baharu yang akan memberi sumbangan signifikan kepada pengkaji akademik dan pengamal industri.

## **1.9 Definisi Kata Kunci**

Dalam menjalankan kajian ini, beberapa definisi konsep berkaitan inovasi dan pembangunan program homestay telah ditetapkan bagi menggambarkan tema yang terlibat. Konsep yang ditetapkan dalam kajian adalah merangkumi:

**Pelancongan budaya berasaskan Komuniti** merujuk kepada aktiviti pelancongan budaya oleh masyarakat setempat yang terdapat di kawasan luar bandar (Kayat, 2011).

**Program Homestay** merupakan pengalaman di mana pelancong tinggal bersama keluarga yang dipilih, berinteraksi dan menimba pengalaman kehidupan seharian keluarga homestay dan juga mempelajari budaya masyarakat luar bandar di Malaysia (MOTAC, 2017).

**Inovasi** melibatkan pelaksanaan idea baharu melalui pembaharuan dan penambahbaikan produk sedia ada untuk meningkatkan kualiti produk,

mengaplikasikan kaedah baharu, pemasaran dan pengurusan organisasi baharu (Hjalager, 2010; Martínez-Román et al., 2015; OECD, 2005; Schumpeter, 1934).

**Jenis Inovasi** yang menjadi garis panduan asas antarabangsa yang terbahagi kepada empat iaitu inovasi produk dan perkhidmatan, inovasi proses, inovasi pemasaran dan inovasi pengurusan (Hjalager, 2010; OECD, 2005).

**Faktor Penentu Inovasi** merupakan sesuatu yang mempengaruhi dan mendorong kepada pelaksanaan inovasi seperti pengetahuan, ciri-ciri keusahawanan, kepemimpinan transformasional, orientasi pasaran dan sokongan kerajaan (Martínez-Román et al., 2015; Mei et al., 2011; Raffai, 2013; Ronningen, 2010; Sakdiyakorn & Sivarak, 2016).

**Prestasi Perniagaan** adalah untuk menilai tahap pencapaian dan keberkesanan pasaran yang selari dengan matlamat perniagaan (Atkinson, 2012; Nasution, Mavondo, Matanda & Ndubisi, 2011; Oly Ndubisi, 2014) bagi sesuatu tempoh masa tertentu (Al-Matari, Al-Swidi & Fadzil, 2014) sama ada terhadap usahawan itu sendiri atau organisasi terlibat (Tangen, 2005).

### **1.10 Organisasi Tesis**

Kajian ini dihuraikan secara terperinci meliputi tujuh bab yang bermula dengan Bab 1 iaitu pengenalan kajian. Dalam bab ini, penulisan tertumpu kepada latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, metodologi kajian, skop penyelidikan, kepentingan kajian dan definisi kata kunci. Ini diikuti dengan Bab 2 yang membincangkan tentang industri pelancongan di Malaysia dan perkembangan program homestay di Semenanjung Malaysia. Bab 3 pula merupakan sorotan kajian merangkumi penerangan secara am dan khusus bagi setiap konsep kajian meliputi

definisi dan istilah inovasi; jenis dan faktor penentu inovasi; prestasi perniagaan dan seterusnya berkaitan teori yang digunakan.

Metodologi kajian dibincangkan dalam Bab 4, menerangkan kewajaran penyelidik menggunakan pendekatan kualitatif melibatkan kajian kes. Huraian adalah mengenai reka bentuk kajian, kaedah pengumpulan data, analisis data, dan kriteria kepercayaan data kajian. Dalam Bab 5 pula, penyelidik membentangkan data yang dianalisa daripada temu bual secara terperinci mengikut tema yang dibangunkan. Bab 6 pula membincangkan tentang hasil penemuan dengan merujuk kepada kajian lepas. Penemuan utama dan model impak inovasi dibentangkan bagi menjawab setiap persoalan kajian. Akhir sekali adalah Bab 7 yang menjelaskan implikasi, sumbangan, limitasi kajian dan seterusnya cadangan bagi penyelidikan akan datang.

### **1.11 Rumusan**

Bab ini telah memberikan gambaran awal tentang perjalanan kajian ini dan hala tuju yang akan dicapai oleh penyelidik. Perbincangan lebih memfokuskan kepada isu dan permasalahan kajian iaitu berkaitan pelaksanaan inovasi dalam program homestay yang didapati telah memberi impak kepada prestasi kemajuan program homestay di Semenanjung Malaysia. Selain itu, bab ini turut membincangkan tentang latar belakang kajian, persoalan kajian, objektif kajian, skop dan kepentingan kajian serta definisi bagi kata kunci utama kajian. Secara umumnya bab ini telah membantu penyelidik menilai tentang keupayaan dan kebolehlaksanaan kajian ini sebelum ianya dijalankan.

## **BAB 2**

### **PERKEMBANGAN PROGRAM HOMESTAY DI MALAYSIA**

#### **2.1 Pengenalan**

Bab ini memfokuskan kepada gambaran berkaitan perkembangan program homestay di Malaysia. Huraian dimulakan dengan menerangkan tentang industri pelancongan yang merangkumi pelancongan budaya dan pelancongan berasaskan komuniti. Seterusnya diikuti dengan huraian pembangunan program homestay yang meliputi definisi, konsep, prosedur penubuhan dan perkembangannya di Semenanjung Malaysia. Bab ini juga memberi pendedahan tentang impak yang diterima dalam pembangunan program homestay.

#### **2.2 Industri Pelancongan di Malaysia**

Pelancongan sering ditafsirkan sebagai pergerakan sementara secara individu atau kumpulan ke sebuah destinasi di luar tempat kediaman dan melakukan aktiviti tertentu yang boleh memenuhi keperluan mereka (Bhatiah, 2001; Bukart & Medlik, 1987; Mathieson & Wall, 1982). Selain itu, pelancongan juga dianggap sebagai satu industri yang besar dan mengalami pertumbuhan yang pantas di seluruh dunia (Scheyvens & Momsen, 2008). Saban hari, industri pelancongan telah diberi perhatian yang lebih serius oleh kebanyakan negara di dunia ini kerana ia mempunyai potensi tersendiri untuk bersaing setanding dengan industri yang lain.

Di Malaysia, industri pelancongan merupakan sektor kedua terbesar selepas sektor pembuatan (Che Leh & Omar, 2013). Menerusi Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK10) (2010), pembangunan sektor pelancongan merupakan salah satu pemangkin utama di

dalam Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA). Tambahan lagi, NKEA telah menggariskan sasaran khusus dan tindakan yang kukuh bagi mencapai objektif tersebut dengan menyasarkan status sebagai antara 10 buah negara terbaik daripada segi pendapatan pelancongan global di samping berjaya memperbaiki kedudukan Malaysia. Berdasarkan EPU, sumbangan perolehan industri pelancongan turut diunjurkan menjadi 2.1 kali ganda dan sekaligus menyumbang lebih kurang RM115 bilion daripada segi pendapatan dan penyediaan dua juta peluang pekerjaan menjelang tahun 2015. Pembangunan ini seterusnya menjadi kesinambungan dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK11) iaitu untuk mentransformasikan sektor perkhidmatan menerusi strategi dalam mempertingkatkan subsektor perkhidmatan moden. Pembangunan ini dilihat bakal menawarkan peluang lebih besar kepada penduduk tempatan untuk mengambil bahagian dalam aktiviti pelancongan yang menjadi sumber pendapatan bagi meningkatkan taraf hidup mereka. Oleh itu, salah satu isu yang telah dikenal pasti ialah keperluan untuk membangunkan produk pelancongan yang lebih menarik dan ikonik.

Di kebanyakan negara membangun, industri pelancongan dijadikan sebagai pemangkin kepada pembangunan terutamanya di kawasan luar bandar (Jurdana, Milohnić & Dadić, 2015) dan majoritinya dikendalikan oleh perusahaan bersaiz kecil (Bastakis, Buhalis & Butler, 2004). Kebiasaannya perusahaan ini mempunyai potensi untuk membangun dan terus berkembang dalam usaha meningkatkan kesejahteraan ekonomi bagi kebanyakan negara (Foo, Bajuri & Wong, 2013). Tambahan pula, aktiviti pelancongan telah menerima impak positif melalui pelbagai usaha yang berterusan (Hjalager, 2010; Weidenfeld, 2013; Williams & Shaw, 2011) terutamanya dalam memberi maklum balas terhadap permintaan yang lebih spesifik dengan

menyediakan perkhidmatan terbaik kepada pelancong (Novelli, Schmitz & Spencer, 2006). Seajar dengan itu, kerajaan perlulah mengambil pendekatan yang lebih proaktif untuk meningkatkan keupayaan dan peranan dalam industri pelancongan (Set, 2013).

Terdapat pelbagai jenis perniagaan dalam industri pelancongan yang menawarkan produk dan perkhidmatan berbeza kepada pelancong. Sebagai contoh, Lundberg, Krishnamoorthy dan Stavenga (1995) telah mengagihkan kepada sembilan kategori utama iaitu restoran, penginapan, tarikan pelancong, rekreasi, penyelidikan pelancongan, penyelenggara, pengangkutan, pembangunan destinasi dan jabatan kerajaan. Selain itu, Uriely, Yonay dan Simchai (2002) turut menyenaraikan pelbagai kategori perniagaan merangkumi pengangkutan, penginapan, pengusaha pelancongan, ejen pelancongan, perniagaan promosi pelancongan dan pengiklanan, insurans pelancongan dan kewangan, makanan, minuman, hiburan, taman alam semula jadi, zoo dan lain-lain lagi. Terdapat juga kajian terdahulu yang hanya menyenaraikan perkhidmatan penginapan dan hospitaliti sebagai perniagaan dalam industri pelancongan (Mshenga & Owuor, 2009; Morrison & Teixeira, 2004; Andersson, Carlsen & Getz, 2002).

Di Malaysia pula, kerajaan mengkategorikan produk pelancongan kepada beberapa aktiviti iaitu penginapan, pengangkutan, perkhidmatan rekreasi dan hiburan, makanan dan minuman, agensi pelancongan dan pelbagai perkhidmatan lain. (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2017). Produk pelancongan ini pula ditawarkan dalam pelbagai bentuk agar menjadi daya tarikan kepada pelancong seperti pelancongan berasaskan alam semula jadi, hiburan dan budaya (Kayat, 2011). Tarikan pelancongan berasaskan

alam semula jadi meliputi sumber alam yang sememangnya popular di Malaysia seperti pulau, pantai, gunung, tanah tinggi dan hutan tropika dengan keunikan flora dan fauna. Bagi pelancongan berasaskan hiburan, daya tarikannya adalah bergantung kepada minat pelancong seperti pusat membeli belah, taman tema dan restoran. Sementara itu, tarikan pelancongan berasaskan budaya atau lebih dikenali sebagai produk pelancongan budaya merujuk kepada kepelbagaian keunikan yang terdapat di kawasan bandar mahupun luar bandar. Tarikan pelancongan budaya di kawasan bandar kebiasaannya berbentuk muzium, teater dan galeri, manakala tarikan di kawasan luar bandar adalah dengan mempamerkan kepelbagaian budaya tradisi komuniti setempat.

Selain itu, dalam usaha membangunkan industri pelancongan dan meletakkan kedudukan Malaysia sebagai lokasi destinasi pelancongan yang terkemuka, kerjasama antara pelbagai sektor termasuk komuniti tempatan terus dipergiatkan melalui aktiviti promosi dan pemasaran. Hal ini turut dinyatakan dalam Rancangan Malaysia ke Sembilan (2006-2010) di mana salah satu agenda yang telah dikenal pasti adalah inisiatif untuk meningkatkan tahap pendapatan dan sekaligus mengurangkan jurang kemiskinan dalam kalangan komuniti luar Bandar (EPU, 2017). Pelancongan luar bandar menawarkan pengalaman bersama penduduk setempat dengan mendalami aktiviti budaya, tradisional dan alam semula jadi yang merupakan asas kehidupan masyarakat tempatan (Othman, Sazali & Mohamed, 2013). Ini dapat memberi gambaran kepada pelancong tentang keaslian aktiviti dan perkhidmatan yang disediakan oleh komuniti setempat dengan mempamerkan kehidupan seharian, kesenian, budaya dan warisan. Pelancongan luar bandar juga dilihat begitu sinonim dengan pelancongan budaya yang kini semakin mendapat tempat di hati pelancong

kerana mereka berpeluang menikmati keindahan alam semula jadi, kemeriahan adat resam dan budaya turun temurun (Mapjabil & Ismail, 2012).

### **2.2.1 Pelancongan Budaya**

Pelancongan budaya merupakan aktiviti melibatkan penerokaan, penghargaan budaya masyarakat lain dan menikmati keindahan suasana kebudayaan yang bertujuan untuk mempelajari dan merasai pengalaman gaya hidup etnik atau masyarakat setempat (Ibrahim & Ahmad, 2009). Selain itu, pelancongan budaya boleh diklasifikasikan kepada dua aspek iaitu pertama adalah berasaskan produk warisan, tradisional dan legasi lama serta cara hidup, dan keduanya adalah merujuk kepada kecenderungan untuk terlibat dalam aktiviti dan pengalaman pelancong di sebuah destinasi yang menawarkan produk kebudayaan (Din, 2008). Sejalan dengan itu, pelancongan budaya amat berkait rapat dengan aspek warisan turun temurun dan gaya hidup masyarakat yang boleh dijadikan sebagai produk dalam pasaran pelancongan (Din & Zakaria, 2011). Tambahan lagi, ini menjadi salah satu daya tarikan kepada pelancong untuk mendalami perbezaan budaya masyarakat tempatan melalui pemerhatian semasa lawatan atau dengan merasainya sendiri (Ahmad, Mohamad, Jusoh, Mahmud, Azman & Ramli, 2017).

Permintaan dan penawaran terhadap pelancongan budaya di Malaysia telah menarik minat pelancong untuk datang ke Malaysia sekaligus menyumbang kepada pembangunan produk pelancongan (Ahmad, Jusoh, Idris, Buang, Zaman, Samsir & Anuar, 2017). Salah satu daripada pelancongan budaya luar bandar yang diperkenalkan oleh kerajaan Malaysia adalah program homestay yang dikendalikan oleh komuniti luar bandar dengan memberi peluang kepada pelancong untuk melawat



perkampungan dan tarikan di kawasan luar bandar (Kayat, 2011). Program Homestay diwujudkan bertujuan untuk mengurangkan ketidakseimbangan pendapatan antara kawasan bandar dan luar bandar melalui penciptaan pelbagai aktiviti ekonomi baharu (Kasim et al., 2016) yang berpotensi untuk perkembangan sosioekonomi.

Program ini telah diperkenalkan oleh MOTAC (dahulu dikenali sebagai Kementerian Pelancongan Malaysia) pada tahun 1998 sebagai salah satu bentuk penginapan alternatif yang ditawarkan kepada pelancong yang berkunjung ke negara ini. Kerajaan turut memberi penekanan terhadap pembangunan program homestay kerana ia merupakan salah satu produk pelancongan yang perlu diperkasakan (Mapjabil & Ismail, 2012). Pencapaian program homestay dapat dikesan melalui keupayaan komuniti yang terlibat dalam memenuhi permintaan demi kepuasan pelancong. Tambahan lagi, manfaat pelancongan ini telah menggalakkan penduduk tempatan untuk terlibat dan terus membangunkan pelbagai aktiviti pelancongan (Jaafar & Rasoolimanesh, 2015).

### **2.2.2 Pelancongan Berasaskan Komuniti**

Konsep pelancongan berasaskan komuniti (*Community-Based Tourism*, CBT) mula diperkenalkan pada pertengahan tahun 1990an (Asker, Boronyak, Carrard & Paddon, 2010) melalui penglibatan komuniti dalam menyediakan produk pelancongan untuk memperkasakan ekonomi, sosial dan politik (Hussin & Kunjuraman, 2014). Menurut Jamaludin, Othman dan Awang (2012), CBT merupakan tanggungjawab dan keupayaan komuniti dalam membuat keputusan. Ini dengan mengambil kira tiga kriteria utama iaitu (1) perlu disokong oleh komuniti tempatan melalui penyertaan mereka, (2) faedah ekonomi melalui CBT perlu dirasai oleh komuniti setempat dan

mereka yang tinggal di sekitarnya dan (3) persekitaran semula jadi dan identiti budaya setempat harus dilindungi oleh pihak pelancongan (Russell, 2000). Sementara itu, Asker et al. (2010) pula memfokuskan kepada kerjasama komuniti setempat melalui komunikasi dua hala antara mereka dan pelancong semasa mengendalikan program yang disediakan. Tambahan lagi, CBT merupakan satu aktiviti pelancongan yang dapat memberi faedah kepada semua komuniti yang terlibat (Mann, 2000).

Kajian terhadap CBT telah banyak dilakukan dalam bidang pelancongan sama ada di dalam mahupun luar negara (Jamaludin et al., 2012; Kayat, 2013; Kunjuran & Hussin, 2017, 2014; Mapjabil et al., 2017; Othman et al., 2013; Pusiran & Xiao, 2013). Selain daripada terlibat dengan aktiviti pelancongan, komuniti juga mendapat faedah ekonomi daripada penyediaan perkhidmatan seperti penginapan, makanan, pengangkutan, pemandu pelancong dan juga melalui penghasilan pelbagai barangan yang boleh dijual kepada pelancong. Antara faedah yang diterima adalah pembangunan ekonomi melalui penjana pendapatan sampingan (Hussin & Kunjuran, 2014; Rafee, Jussem, Halim, Siri & Hassan, 2017) dan penyediaan peluang pekerjaan (Salleh et al., 2014). Tambahan lagi, CBT merupakan salah satu agenda yang diketengahkan untuk meningkatkan tahap pendapatan seterusnya mengurangkan jurang kemiskinan dalam kalangan komuniti luar bandar (Razzaq et al., 2011). Seajar dengan itu, perkembangan CBT dilihat begitu sinonim dengan pelancongan program homestay yang turut melibatkan penyertaan komuniti setempat.

CBT dalam program homestay telah menekankan keseimbangan dalam aspek ekonomi dan sosial (Asker, et al., 2010; Farrell, 1992; Hamid, Ismail & Mohd Fuza, 2013). Program homestay memberi manfaat dalam aspek ekonomi dengan mewujudkan

peluang pekerjaan kepada komuniti yang terlibat (Hamzah, 2007; Hussin, 2008; Ibrahim & Razaq, 2010; Kayat, 2013; Mapjabil & Ismail, 2012), dan sumber pendapatan sampingan (Mapjabil & Ismail, 2012). Berdasarkan aspek sosial pula, program homestay memberi manfaat dalam penguasaan bahasa asing kepada komuniti (Ahmad, 2013) dan peningkatan kemudahan awam dan infrastruktur (Din, 1995; Ibrahim & Razaq, 2010).

## **2.3 Pembangunan Program Homestay di Malaysia**

### **2.3.1 Definisi dan Konsep Program Homestay**

Definisi homestay adalah tidak spesifik dan berbeza mengikut negara dan mempunyai daya tarikan yang tersendiri (Mapjabil et al., 2017). Pada asalnya, program homestay bermula sekitar tahun 1970 an di Eropah yang dikenali sebagai satu konsep percutian (Mapjabil & Ismail, 2012). Di negara barat, terutamanya Australia, terma homestay merujuk kepada penginapan untuk pelajar antarabangsa di sesebuah universiti. Pelajar akan tinggal bersama keluarga angkat sehingga tamat pengajian untuk memberi peluang mereka membiasakan diri dengan budaya tempatan. Sementara itu, di United Kingdom dan New Zealand, konsep homestay biasanya merujuk kepada pengurusan tempat tidur dan sarapan atau lebih dikenali sebagai “*bed and breakfast*” di mana tuan rumah hanya menawarkan penginapan mengikut bayaran dan tidak melibatkan sebarang aktiviti kebudayaan (Pusiran & Xiao, 2013). Perbezaan konsep homestay bagi setiap negara diringkaskan dalam Jadual 2.1.